

NOTIS MAKLUMAN (15-28 JUN 2021)
KES-KES SIVIL MAHKAMAH SESYEN (1) MELAKA
HAKIM : PUAN ELESABET PAYA WAN

Pengendalian kes-kes Sivil sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan bermula 15 - 28 Jun 2021 adalah berpandukan kepada arahan-arahan yang berikut:

(a)Perbicaraan / Pendengaran Kes Sivil

(i) Semua perbicaraan / pendengaran kes sivil yang telah ditetapkan secara kehadiran fizikal di Mahkamah hendaklah ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan / pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian secara E-review.

(ii) Bagi kes-kes sivil, pendengaran kes hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021; Pengendalian Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia (AA KHN 1/2021). Bagi maksud ini, pengendalian prosiding melalui kaedah hybrid adalah tidak dibenarkan dan perenggan 6, 9 dan 14 AA KHN 1/2021 adalah tidak terpakai.

(iii) Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Tuan mempunyai kesukaran dalam meneruskan perbicaraan dan dikhuatiri akan menjejaskan hak pihak-pihak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil melalui teknologi komunikasi jarak jauh, pihak YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Tuan boleh memohon untuk menangguhkan kes.

- Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Jurubahasa Yuhanizah seperti tertera di bawah.

YUHANIZAH BINTI MOHD AMIN

Jurubahasa Melayu

Mahkamah Sesyen (1) Melaka

No. Tel : 06-2314020 (ext 214)

No. HP : 012-6934659

Email : yuhanizah@kehakiman.gov.my

Email : msmelaka1@kehakiman.gov.my